



KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH
جامعة إنسانية
INSANIAH UNIVERSITY COLLEGE

**UCAPAN
PROF DATO' DR. MOHD FAKHRUDIN BIN ABDUL MUKTI
REKTOR KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH (KUIN)
DI MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG KOLEJ
UNIVERSITI INSANIAH TAHUN 2016**

**PADA : 11 JULAI 2017
TEMPAT : DEWAN EKSPERIMENTAL, KUIN.**



TEKS UCAPAN REKTOR

TEKS UCAPAN REKTOR



Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kolej Universiti INSANIAH Tahun 2016

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ ،
الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِیْ اَرْسَلَ رَسُوْلَهٗ بَیْدَنَا مَحْمَدًا رَحْمَةً لِّلْعٰلَمِیْنَ لِیَهْدِی النَّاسَ اِلَی
طَرِیْقِ الرَّشَادِ وَالدِّیْنِ الْقَوِیْمِ وَ الصَّلَاةِ وَ السَّلَامِ عَلٰی خَاتَمِ الْاَنْبِیَاءِ
وَ الرِّسَالِیْنَ وَ عَلٰی ءَالِهِ وَ صَحْبِهِ اَجْمَعِیْنَ ،
أَمَّا بَعْدُ...

Yang Berbahagia

1. **Prof. Dr. Mohamad bin Abdul Hamid**, Pemangku Timbalan Rektor Akademik & Antarabangsa.
2. **Dato' Hj. Bukhari bin Abdullah**, Timbalan Rektor Pengurusan, Kewangan & Hal Ehwal Pelajar.
3. **Tn. Hj. Abdullah bin Hashim**, Pendaftar
4. **En. Mohd Zamri bin Shahdan**, Bendahari

Seterusnya Kakitangan Akademik & Pentadbiran KUIN yang dirahmati Allah SWT.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته .

Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama melahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana di pagi yang mulia ini kita semua diberi kesempatan untuk bersama-sama bertemu dan berhimpun di **Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kolej Universiti INSANIAH bagi tahun 2016** yang diadakan khusus untuk meraikan kecemerlangan kakitangan KUIN. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Salam Aidilfitri kepada seluruh warga KUIN, maaf zahir & batin.

Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian.

Sesungguhnya kehadiran dan komitmen semua kakitangan pada hari ini jelas menunjukkan bahawa kita adalah sebuah keluarga dan satu pasukan, bersama-sama menggalas tanggungjawab untuk memacu perjalanan bagi merealisasikan misi dan visi KUIN. Wadah pertemuan ini merupakan satu keperluan yang wajar dimanfaatkan sepenuhnya sebagai satu platform untuk kita berkomunikasi dan berinteraksi, serta saling kenal mengenali di antara satu sama lain, demi memupuk perpaduan di kalangan warga KUIN.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar selaku urusetia serta jawatankuasa yang terlibat menjayakan dan meneruskan tradisi ini. KUIN amat komited dalam mengiktiraf budaya kerja cemerlang, komitmen dan jasa yang telah diberikan oleh kakitangan akademik dan pentadbiran dengan

menyediakan anugerah-anugerah sebagai satu bentuk penghargaan. Saya amatlah berharap agar anugerah seumpama ini akan dapat menggalakkan kakitangan KUIN untuk terus memberikan komitmen dan daya usaha bagi mempertingkatkan produktiviti dan mutu kerja yang berkualiti tinggi. Pengiktirafan ini juga seharusnya mewujudkan persaingan yang sihat di kalangan kakitangan KUIN untuk membuktikan keupayaan masing-masing bagi menghasilkan perkhidmatan yang terbaik.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada **34 orang** warga cemerlang yang telah dipilih sebagai penerima **Anugerah Perkhidmat Cemerlang KUIN bagi Tahun 2016** dan **36 orang** kakitangan penerima **Sijil Penghargaan Khidmat Cemerlang KUIN 2016**. Seperti mana tahun-tahun sebelum ini, untuk majlis tahun ini sekali lagi kita memilih **seorang** penerima **Anugerah Khas Rektor 2016** yang bukan di kalangan penerima anugerah APC 2016.

Semoga dengan pengiktirafan ini akan membangkitkan lagi semangat mencurahkan bakti kepada KUIN dan meningkatkan lagi azam untuk bertugas dengan lebih gigih dan penuh iltizam pada masa akan datang bagi menaikkan lagi imej KUIN di peringkat Nasional mahupun di peringkat Antarabangsa. Apa yang lebih penting, mereka yang terpilih sebagai penerima anugerah pada hari ini seharusnya menjadi *role model* kepada yang lain untuk terus berusaha dengan lebih gigih agar matlamat yang disasarkan tercapai secara bersama.

Para hadirin yang dikasihi sekalian,

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang atau lebih sinonim dengan ringkasan APC, bukan hanya sebagai pendorong dan pengiktirafan kepada kakitangan yang telah menunjukkan prestasi kerja cemerlang semata-mata. Bahkan dalam skop yang lebih luas lagi, anugerah ini menjadi penggerak transformasi dan peneraju perubahan positif dalam membudayakan kecemerlangan. Cemerlang bukan sekadar diukur dengan tercapainya sasaran kerja tetapi juga perkhidmatan yang bersih dan berintegriti.

Sebagai kakitangan KUIN, peranan melaksana segala dasar-dasar dan keputusan perlulah sealiran dengan apa yang telah digariskan dalam sektor pendidikan tinggi, di mana penumpuan dan fokus hendaklah menjurus ke arah penyampaian perkhidmatan yang efektif, efisien, berkualiti, telus, dengan mendahului dan mementingkan pelanggan selaku pemegangtaruh atau '*Stakeholders*'. Maka itu, jika kita dapat menempatkan diri kita selaku kakitangan untuk berada dalam keadaan di pihak pelanggan, Insya Allah KUIN akan terus cemerlang pada masa hadapan.

Sehubungan itu, budaya kerja yang cemerlang menggabungkan disiplin, tanggungjawab, integriti dan kebertanggungjawapan serta menjaga kerahsiaan mesti menjadi jati diri setiap kakitangan KUIN agar menjalankan tugas dengan jujur dan telus, di samping perlu menerapkan elemen atau sentuhan kemanusiaan bagi menangani dan menyelesaikan kes-kes berbangkit. Jadilah kita sebagai kakitangan yang

boleh menyelesaikan masalah, bukannya kakitangan yang menimbulkan masalah.

KUIN yang sudahpun menjangkau usia 20 tahun, sebenarnya telah dilengkapi dengan pelbagai prosedur yang sistematik serta penguatkuasaan undang-undang. Namun ianya tidak bermakna ianya cukup untuk mengekang dari berlakunya sebarang bentuk penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa. Sering kita dengari, segelintir penjawat awam atau swasta yang menyalahgunakan kedudukan atau kuasa untuk mengeksploitasi kelemahan yang terdapat dalam prosedur untuk keuntungan peribadi.

KUIN mementingkan integriti dan sentiasa memastikan agar setiap yang didapati bersalah tidak terlepas dari tindakan sewajarnya. Inilah konsep '**Reward and Punishment**' di dalam organisasi hari ini. Malahan Allah SWT telah lama memberi pesanan ini kepada kita manusia akan janji '**Syurga dan Neraka**' di medan perhitungan Akhirat kelak.

وعدنا العزيم
المؤمنين
وعدنا العزيم
وعدنا العزيم

Saya berdoa dan bergantung harap kepada Allah SWT agar setiap kakitangan KUIN dapat memlihara disiplin diri serta imej dan nama baik dari sebarang isu dan tanggapan negatif orang ramai, lebih-lebih lagi dalam mengharungi zaman yang serba moden yang penuh cabaran.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati,

Saya menyeru semua kakitangan KUIN agar terus memandang ke hadapan, berfikiran positif serta meningkatkan nilai korporat dalam melaksanakan tugas dan amanah di KUIN. Ini merupakan asas binaan penting untuk membina sebuah kejayaan. Di kesempatan Syawal yang mulia ini, marilah bersama kita sucikan hati dan saling memaafi, untuk membina sebuah empayar pendidikan tinggi berteraskan Islam yang terulung, demi masalah anak bangsa.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) KUIN bagi Tahun 2016. Tidak lupa juga kepada pihak urusetia majlis yang telah bertungkus lumus dalam memastikan penganjuran majlis ini berjalan dengan lancar. Salam Aidilfitri buat semua kakitangan KUIN, maaf zahir dan batin.

Sekian,

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



ossc/sas/11072017